

Tahap Perpaduan Pelajar Pelbagai Kaum Dalam Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB)

Abdul Rahim Bin Hamdan & Ismail Fauzi Bin Jamaludin
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia.

Abstrak : Kajian ini dijalankan untuk melihat tahap perpaduan pelajar pelbagai kaum yang diterapkan dalam matapelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu dikalangan pelajar Sekolah Menengah Tun Abdul Razak, Selekoh, Perak. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik yang diedarkan kepada 120 orang pelajar dari Sekolah Menengah Tun Abdul Razak, Selekoh Perak. Instrument kajian yang digunakan mengandungi 36 item yang berdasarkan kepada 4 persoalan kajian iaitu merangkumi aspek faktor gaya pembelajaran pelajar, faktor gaya pengajaran guru, faktor aktiviti amali pelajar di dalam bengkel dan faktor persekitaran bengkel. Kesahan item-item diperolehi menerusi perbincangan dengan pakar-pakar. Segala data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian komputer '*Statistical Package For Social Science (SPSS version 11.5)*' untuk mendapatkan kekerapan, peratus dan min. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penerapan perpaduan menerusi matapelajaran Kemahiran Hidup adalah tinggi. Hasil kajian memerlukan tindakan dari pihak guru, pentadbir sekolah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pelajaran Malaysia bagi mengekalkan dan membantu meningkatkan lagi nilai perpaduan dikalangan pelajar.

Katakunci : Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB), perpaduan pelajar pelbagai kaum

Pengenalan

Persoalan tentang integrasi negara melalui sistem pendidikan telah lama diperkatakan oleh orang ramai. Semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan terdapat berbagai akta atau laporan dan model bagi memudahkan proses integrasi berjalan. Antaranya melalui Laporan Razak, Laporan Rahman Talib, Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979, Dasar Perlembagaan Kebangsaan, Rukun Negara dan juga Falsafah Pendidikan Negara. Laporan dan juga dasar tersebut perlu dijalankan kerana Negara Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum, perbezaan dari segi keadaan sosioekonomi dan juga terdapat faktor kedudukan tempat yang jauh dan dipisahkan dengan bentuk muka bumi.

Untuk menyatakan proses integrasi sudah berjalan dengan baik agak sukar untuk memberi jawapan yang tepat kerana di negara kita ada sesetengah masyarakat yang terbawa-bawa dengan cara lama. Oleh itu sebilangannya masih kekal dengan konsep segrerasi. Sebagai contoh melalui sistem pendidikan peringkat rendah, Negara kita masih mengutamakan kepentingan bahasa ibunda dan kaum di mana terdapatnya Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil untuk orang tamil dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina untuk orang cina dan Sekolah Rendah Kebangsaan untuk orang melayu.

Walaupun kita merasa gembira kerana sesetengah bangsa suka menghantar anak-anak mereka di sekolah yang mempunyai pelbagai kaum terutamanya di kawasan bandar. Jadi dengan cara ini sekurang-kurangnya muridmurid dapat mengintegrasikan sekurang-kurangnya semasa berada di dalam kawasan sekolah. Walau bagaimanapun peringkat menengah, sistem pendidikan di Malaysia telah menuju ke arah integrasi negara di mana semua kaum belajar di sebuah sekolah menengah kebangsaan yang mempunyai bahasa pengantar yang sama, iaitu bahasa Malaysia.

Seterusnya penghayatan dari segi politik perlu juga difikirkan kerana penghayatan dari segi emosi dan sosial tidak mencukupi. Dalam hal ini peranan orang-orang politik semasa mereka berceramah adalah penting bagi mengambil hati kehendak pelbagai kaum yang berbeza-beza matlamatnya. Orang-orang politik yang pandai biasanya mereka dapat mewujudkan semangat ke Malaysian, mewujudkan gaya hidup masyarakat yang sihat serta identiti sesuatu kaum. Persoalan ini perlu ditekankan kerana kebanyakan kaum di Malaysia ingin memperkenalkan budaya yang tersendiri dan tidak mahu berkongsi dengan budaya kaum lain. Walau bagaimanapun diharap generasi Malaysia pada masa kini dan akan datang terus bermegah dengan satu identiti kebangsaan melalui penerapan nilai-nilai murni yang terdapat dalam sistem pendidikan negara kita. Dalam hal ini guru seharusnya memainkan peranan penting kerana sekolah merupakan suatu institusi yang paling sesuai untuk melatih murid-murid menghayati dan mencintai konsep perpaduan kaum.

Penyataan Masalah

Sistem penjajahan telah mengubah kaum-kaum yang berbeza bukan sahaja dari segi kebudayaan, agama, peringkat sosioekonomi, malah juga membahagikan kawasan tempat tinggal mengikut kelompok kaum tersebut. Perpaduan sebaik-baiknya dapat dicapai melalui pendidikan dan pelajaran, tetapi pendidikan dan pelajaran berkait rapat dengan kedudukan sosioekonomi sesuatu kaum.

Langkah-langkah telah diambil oleh kerajaan bagi memperbaiki kualiti pelajaran di luar bandar yang kebanyakannya melibatkan bumiputera. Perlaksanaan DEB juga telah diterima oleh komponen-komponen parti memerintah. Namun begitu ini telah sedikit sebanyak menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan sesetengah pihak sebagai titik-titik membawa perpaduan.

Perlaksanaan pengajaran berbagai-bagai matapelajaran yang boleh membentuk perpaduan di sekolah-sekolah kerajaan masih belum dapat dilaksanakan dengan berkesan, terutamanya di sekolah-sekolah swasta. Keadaan ini berpunca kerana sekolah-sekolah biasa lebih mementingkan mata pelajaran yang dianggap dapat memberikan pekerjaan, seperti sains, matematik dan lain-lain.

Pada masa ini masih terdapat kelemahan-kelemahan baik dari segi kandungan matapelajaran mahupun dari segi pengajarannya. Misalnya bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia mengikut Laporan Kabinet, "...isi kandungan sukatan pelajaran serta pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia di sekolah bagi mencapai matlamat perpaduan kurang diperincikan" (*Kementerian Pelajaran Malaysia, Laporan Jawatankuasa Kabinet*).

Persoalannya, apakah tahap perpaduan pelajar pelbagai kaum dalam pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) ?

Objektif Kajian

Berpandukan kepada persoalan kajian di atas, objektif kajian ini adalah untuk:

- a) Mengenal pasti tahap perpaduan pelajar pelbagai kaum dalam pembelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu.
- b) Mengenal pasti tahap perpaduan pelajar pelbagai kaum dalam pengajaran Kemahiran Hidup Bersepadu.
- c) Mengenal pasti tahap perpaduan pelajar pelbagai kaum dalam aktiviti amali Kemahiran Hidup Bersepadu.

- d) Mengenal pasti tahap perpaduan pelajar pelbagai kaum dalam persekitaran bengkel Kemahiran Hidup Bersepadu.

Kepentingan Kajian

Guru

Menjadi panduan kepada guru-guru teknikal di sekolah-sekolah lain yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu KMT dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Hasil daripada kajian ini akan membolehkan mereka menilai semula pengajaran mereka. Seterusnya ini akan meningkatkan lagi mutu pengajaran guru-guru ke tahap yang lebih membanggakan. Di samping itu guru teknikal juga dapat mengetahui tahap perpaduan yang telah diterapkan terhadap pelajar.

Penyelidikan ini juga mampu membantu guru-guru Kemahiran Hidup Bersepadu agar dapat menggunakan pendekatan pengajaran yang bersesuaian dengan mata pelajaran yang diajar.

Pentadbir sekolah

Membantu pihak pentadbir sekolah bagi menyusun teknik pengajaran guru melalui penyampaian yang disampaikan oleh guru untuk memupuk perpaduan. Di samping itu juga pihak sekolah dapat memberi fokus kepada cara menjalankan aktiviti yang dapat memupuk perpaduan dikalangan pelajar.

Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Kajian ini juga dapat membantu KPM dalam mengenal pasti silibus yang bersesuaian dengan mata pelajaran yang ada di sekolah menengah masa kini. Dengan itu, KPM dapat merangka dan menyusun semula dasar pendidikan negara bagi memantapkan lagi perpaduan dikalangan pelajar.

Pelajar

Dapat membina sahsiah pelajar yang berketerampilan dalam sosiobudaya. Selain itu juga mewujudkan perpaduan yang mampan lantas melahirkan pelajar yang cintakan negara.

Batasan Kajian

Kajian ini hanya melibatkan pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Tun Abdul Razak, Selekoh, Perak.

Segala keputusan yang diperolehi nanti hanyalah melibatkan sekolah menengah di atas sahaja dan keputusannya tidak boleh disamakan dengan sekolah-sekolah di luar kawasan tersebut.

Reka bentuk kajian

Kajian yang ingin dilaksanakan oleh pengkaji adalah berbentuk penyelidikan kuantitatif iaitu melibatkan tinjauan yang menggunakan soal selidik sebagai instrument utama kajian ini. Jenis kuantitatif berdasarkan kategori kuantiti seperti menggunakan angka, skor dan kekerapan. Dari segi teknik, data hasil daripada ujian dan soal selidik berbentuk kuantitatif (Mohamad Najib, 1999).

Data akan diperolehi melalui pendedaran borang soal selidik yang menggunakan skala Likert dan diproses secara deskriptif. Kajian deskriptif bertujuan menerangkan sesuatu fenomena, situasi, peristiwa yang sedang berlaku dan keadaan yang wujud bagi sesuatu populasi (Mason dan Bramble, 1997)

Pensampelan kajian

Pensampelan adalah berkaitan dengan proses memilih sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai responden kajian. Pensampelan merupakan satu aspek yang penting dalam penyelidikan kerana penggunaan sampel yang tidak sesuai akan mengurangkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian (Chua Yan Piaw, 2006). Oleh itu, pemilihan sampel haruslah dipilih dengan betul dan tepat.

Di dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah pensampelan iaitu sampel rawak. Sampel rawak ini dibahagikan kepada sampel mudah, sampel susun lapis, kelompok dan kelompok atas kelompok. Pengkaji hanya menggunakan sampel kelompok atas kelompok. Sampel kelompok atas kelompok bermaksud pemilihan sama peluang untuk memenuhi kehendak pengkaji (Mohamad Najib, 1999).

Sampel adalah sumber untuk mendapat data dan sebahagian elemen dalam populasi. Lebih besar peratusan sampel daripada populasi adalah lebih baik kerana pengkaji mempunyai lebih kemungkinan untuk memilih sampel yang mempunyai ciri-ciri populasi (Mohamad Najib, 1999).

Sampel kajian adalah seramai 120 orang pelajar. Bilangan 120 orang pelajar dipilih adalah berdasarkan Jadual Krejcei dan Morgan bahawa bilangan minimum bagi saiz sampel yang dipilih untuk saiz populasi iaitu 175 orang pelajar adalah seramai 120 orang pelajar.

Instrumen kajian

Penyelidikan ini adalah berbentuk kajian tinjauan. Kajian tinjauan merupakan salah satu kaedah penyelidikan yang paling popular yang digunakan dalam bidang sains sosial. Kajian tinjauan popular kerana mempunyai ciri-ciri penggunaan yang menyeluruh, cara pengendalian yang digemari, cara pemungut data yang cepat, penggunaan saiz sampel yang besar dan mendapat maklumat yang terus. Menurut Chua Yan Piaw (2006), kajian tinjauan adalah kajian yang menggunakan temu bual berstruktur atau soal selidik sebagai instrumen kajian. Pengkaji mengambil soal selidik sebagai instrumen kajian.

Kajian rintis

Kajian rintis (*pilot study*) merupakan kajian secara kecil-kecilan yang dilaksanakan sebelum kajian sebenar dilakukan. Ia dilakukan untuk melihat sesuatu kajian yang bakal dilakukan. Kajian rintis dilaksanakan untuk meningkatkan lagi kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian ini. (Chua Yan Piaw, 2006).

Kajian rintis ini telah dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Desa Skudai (SMKTDS). Ini kerana sekolah SMKTDS mempunyai pelajar yang berbilang kaum yang terdiri daripada Melayu, Cina dan India serta mengambil mata pelajaran Kemahiran Hidup.

Kajian rintis penyelidikan ini sebenarnya telah dijalankan ke atas 10 orang pelajar SMKTDS. Menurut Chua Yan Piaw (2006) kajian rintis yang dijalankan adalah menggunakan sebilangan kecil biasanya 20 hingga 40 orang dan mempunyai latar belakang demografi yang serupa dengan responden kajian. Pemilihan responden sebagai sampel kajian rintis adalah kerana pelajar ini juga mengambil mata pelajaran Kemahiran Hidup.

Daripada dapatan yang akan diperolehi maka ia akan dianalisis menggunakan perisian *Statistic Package for The Social Science* (SPSS) untuk mendapatkan nilai *Alpha Cronbach*. Tahap kesahan dan kebolehpercayaan boleh ditentukan dengan menggunakan interpretasi nilai *Alpha Cronbach* (Mohamad Najib, 1999). Nilai kebolehpercayaan soalan ini adalah tinggi dan boleh diguna untuk membuat kajian seterusnya.

Analisis Data

Jadual 1 : Keputusan Keseluruhan Bagi Setiap Aspek Kajian Dalam Purata Peratusan dan Min

Persoalan Kajian	Aspek	Purata Peratusan (%)			Min	Tahap
		TS	TP	S		
1	Pembelajaran	13.6	11.0	75.4	3.92	Tinggi
2	Pengajaran	14.6	6.9	78.4	3.95	Tinggi
3	Aktiviti amali	17.2	8.5	74.3	3.86	Tinggi
4	Persekitaran bengkel	18.8	4.3	76.9	3.85	Tinggi

Jadual di atas menunjukkan dapatan dibuat secara keseluruhan untuk setiap persoalan kajian. Untuk persoalan kajian yang pertama, responden yang bersetuju bahawa pembelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu dapat mewujudkan perpaduan dikalangan pelajar pelbagai kaum berada pada tahap yang tinggi. Berdasarkan kepada jumlah purata peratusan untuk persoalan kajian yang pertama, (75.4%) responden bersetuju bahawa faktor pembelajaran mempengaruhi dalam mewujudkan perpaduan dikalangan pelajar. Manakala 13.6% responden pula menyatakan tidak setuju dan 11% responden pula tidak pasti.

Bagi persoalan kajian kedua pula, responden yang bersetuju bahawa gaya pengajaran guru dapat mengeratkan perpaduan dikalangan pelajar pelbagai kaum. Merujuk kepada jumlah purata peratusan untuk persoalan kajian yang kedua, didapati 78.4% responden bersetuju. Manakala 14.6% responden pula menyatakan tidak setuju dan hanya 6.9% responden pula tidak pasti. Ini menunjukkan perkaitan yang kuat di antara gaya pengajaran guru dengan perpaduan dikalangan pelajar.

Bagi persoalan kajian ketiga pula, responden yang bersetuju bahawa aktiviti amali di bengkel Kemahiran Hidup Bersepadu dapat mengeratkan perpaduan dikalangan pelajar pelbagai kaum. Merujuk kepada jumlah purata peratusan untuk persoalan kajian yang kedua, didapati 74.3% responden bersetuju dengan persoalan kajian ini. Manakala 17.2% responden pula menyatakan tidak setuju dan hanya 8.5% responden pula tidak pasti. Dengan adanya aktiviti amali dapat menunjukkan bahawa pembentukan perpaduan dapat diwujudkan.

Perbincangan

Secara keseluruhannya responden menyatakan setuju tentang gaya pembelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu mempengaruhi dalam mewujudkan perpaduan dikalangan pelajar pelbagai kaum. Daripada purata peratusan untuk persoalan kajian yang pertama, sebanyak 75.4% responden menyatakan setuju, 13.6% responden menyatakan tidak bersetuju, manakala 11.0% responden lagi menyatakan tidak pasti. Untuk nilai min pula, keseluruhan bagi persoalan kajian yang pertama ini adalah sebanyak 3.92. Dalam kata lain, keseluruhan bagi persoalan kajian ini adalah pada tahap tinggi.

Daripada keseluruhan item yang dikemukakan, didapati nilai min yang terendah adalah pada item 10 iaitu 2.33 di mana responden yang bersetuju dengan kenyataan gemar berkongsi ilmu dengan pelajar berlainan kaum. Dari item ini, seramai 70% responden tidak bersetuju dengan item ini. Manakala jumlah yang setuju dan tidak pasti adalah sama iaitu sebanyak 15%.. Oleh yang demikian, kebanyakan pelajar tidak gemar berkongsi ilmu bersama pelajar kaum lain.

Menurut Dr. Hasan Hj. Mohd Ali (1996), menyatakan bahawa kita memerlukan orang lain untuk belajar. Sekurang-kurangnya kita memerlukan seorang guru untuk belajar. Kita juga memerlukan rakan-rakan untuk belajar. Rakan-rakan boleh membantu dalam proses pembelajaran dengan pelbagai cara seperti membantu dalam memahami pelajaran, menjadi pendorong, menjadi penyaing dan menjadi ahli kepada kumpulan belajar. Disamping itu rakan-rakan boleh memberikan pengaruh yang besar terhadap kejayaan diri sendiri. Oleh yang demikian dengan pembelajaran dalam kumpulan dapat memupuk perpaduan di kalangan pelajar. Daripada kajian yang telah dilakukan, didapati majoriti daripada responden menyatakan mereka melakukan aktiviti, belajar dan berbincang dengan rakan kaum lain. Hal ini dapat dilihat pada item 4, 5 dan item yang ke tujuh. Dalam item-item tersebut, peratusan yang diperolehi adalah sebanyak 94.2%, 86.7% dan 89.2%.

Peratusan keseluruhan responden yang mengatakan setuju bahawa faktor pengajaran guru dapat mengeratkan perpaduan dikalangan pelajar pelbagai kaum adalah agak tinggi di mana 78.4% mengatakan setuju. Manakala hanya sebahagian responden yang berlainan pendapat iaitu seramai 14.6% responden mengatakan tidak bersetuju dan 6.9% pula mengatakan tidak pasti. Melalui jadual ini juga, didapati nilai min adalah 3.95 iaitu pada tahap tinggi.

Di dalam kajian yang dilakukan oleh Ned Flanders pada tahun (1963), tentang interaksi bilik darjah, beliau dapat merumuskan bahawa interaksi akan wujud jika terdapat tindakan yang berlaku di antara sekurang-kurangnya dua pihak. Bagi item 14 sebanyak 77.6% responden bersetuju bahawa guru mereka menggalakkan interaksi di dalam bilik darjah. Oleh yang demikian, dengan cara ini perpaduan dapatlah diwujudkan semasa proses pengajaran berlaku.

Menurut Abd Rahim (1999), memberi aspirasi dan inspirasi adalah satu proses memotivasikan pelajar supaya mereka mempunyai idealisma dan berhemah tinggi dalam penghidupan. Inspirasi dan aspirasi merupakan motivasi dalaman yang sangat penting bagi membina kekuatan emosi dan kekuatan jiwa atau kekuatan kerohanian. Inspirasi adalah suatu ilham dan bisikan hati yang mendorong seseorang melakukan perubahan yang membina diri dan memiliki cita-cita yang unggul. Guru yang berhemah adalah sumber inspirasi dan aspirasi kepada pelajar-pelajar. Dari semasa ke semasa, guru berperanan memberi inspirasi dan aspirasi kepada pelajar-pelajar untuk mencapai matlamat hidup yang baik dan membina. Inspirasi dan motivasi adalah asas utama untuk membina wawasan sosial dan moral bagi membentuk pelajar-pelajar yang berhemah tinggi. Dengan adanya motivasi ini perpaduan dikalangan pelajar dapatlah diwujudkan.

Dalam dapatan persoalan kajian ketiga seperti yang dinyatakan di dalam jadual 4.9, didapati 74.3% responden bersetuju bahawa faktor aktiviti yang dilakukan di dalam bengkel dapat mengeratkan perpaduan dikalangan responden, manakala 17.2% lagi mengatakan tidak bersetuju dan 8.5% tidak pasti.

Persekitaran fizikal sesebuah bengkel merupakan sumber pembelajaran yang utama. Perancangan dan penyusunan suasana fizikal bengkel melibatkan kegiatan mengorganisasi, merancang dan menggunakan perkara yang bersabit dengan tempat duduk pelajar, alat bantu mengajar, alat pandang dengar, sudut aktiviti dan pameran. Semua ini dapat meningkatkan lagi tahap perpaduan dikalangan pelajar. Hal ini dapat diperkukuhkan lagi apabila 80.9% responden bersetuju bahawa susunan meja dan kerusi sesuai untuk pelajar kaum lain berinteraksi iaitu pada item 28.

Rujukan

- Ahmad Marzuki Ismail (2008). *“Komunikasi Asas Untuk Pelajar”*. Kuala Lumpur: Karisma Publication Sdn Bhd
- Awang Had Salleh (1980). *Pendidikan Kearah Perpaduan : Sebuah Perspektif Sejarah*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti
- Cohen, Louis Dan Lawrence Manion (1981). *Perspective On Classroom And Schools*. London: Holt Rinehart And Winston
- Ee, Ah Meng (1987). *Pedagogi untuk bakal guru*. Petaling Jaya : Fajar Bakti
- Hasan Hj Mohd Ali (1996). *Strategi belajar yang berkesan*. Kuala Lumpur : Utusan-Akrab
- Hedderdorf, R. (1971). ‘*Professionalism And Personality Type Among Student Teachers*’. *Journal Of Teacher Education*
- Johnson, D. W. & Johnson, R. T. (1987). *Circle Of Learning. Cooperation In The Classroom (3rd Ed.)*. Edina, Minnesota: Interaction Book
- Khalil Yaacob (1982). *National Integration In Malaysia: Prospek And Retrospect*. Negara. Jilid 5 Bilangan 2
- Mohd Salleh Lebar (1992). *Perubahan dan kemajuan pendidikan di Malaysia Edisi kedua* Kuala Lumpur: Nurin Enterprise
- Mohd Salleh Lebar (1994). *Asas psikologi perkembangan*. Kuala Lumpur : Utusan Publication
- Noran Fauziah Yaakub (1987). *Pengantar Sosiologi*. Petaling Jaya: Fajar Bakti
- Oi Leary, K.O dan O Leary, S.G (1972). *Classroom Management. The Successful of Behaviour Modification*. Oxford: Pergamon Press
- Robiah Sidin (1994). *Pendidikan Di Malaysia: Cabaran Untuk Masa Depan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti
- Sharifah Alwiah Alsagoff (1987). *Sosiologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Hheinemann (Malaysia) Sdn Bhd
- T. Marimuthu (1990). *Pengenalan Sosiologi Pendidikan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti
- Yahya Abd. Hamid (1989). *“Pengurusan Workshop”*. Petaling Jaya: Ibs Buku
- Wan Mohd. Salleh Wan Abu Bakar (1980). *Efficient coding of documentary information using transform coding*. Loughborough : Loughborough University